

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah perkembangan terkini kerjasama antara Kementerian dengan Alibaba Group dan Sena Traffic Sistem dalam pelaksanaan sistem pengurusan infrastruktur trafik secara digital. Apakah terdapat sebarang usaha bagi memperluaskan inisiatif di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) telah hadir sebagai ahli jemputan sewaktu majlis pengumuman kerjasama di antara Alibaba Cloud (anak syarikat kepada Alibaba Group) dan Sena Traffic Systems (SENA) pada bulan Mei 2019 berhubung cadangan mereka untuk membina sistem pengurusan trafik pintar di Malaysia.
2. Kerjasama tersebut adalah merupakan kerjasama komersial di antara dua syarikat swasta dan Kementerian tidak terlibat secara langsung dalam kerjasama atau pelaksanaan projek ini.
3. Walau bagaimanapun, KKMM dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) sebagai kementerian dan agensi peneraju pembangunan digital ekonomi negara sentiasa menyokong usaha pembangunan industri dan teknologi digital khususnya melibatkan teknologi terkini dalam bidang teknologi seperti Cloud, *Artificial Intelligence* (AI), BDA, dan IoT.